



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (59)  
Tarikh : 15 September 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **INISIATIF KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA (RUMAH IKRAM KPKT) UNTUK RAKYAT YANG TERKESAN AKIBAT COVID-19**

---

**PUTRAJAYA, 15 September 2021** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican pada hari ini memperkenalkan program "**INISIATIF KEDIAMAN RUMAH KELUARGA MALAYSIA**" atau **RUMAH IKRAM KPKT** sebagai satu lagi usaha kerajaan untuk membantu rakyat.

Inisiatif bersifat *cushion* atau penampungan ini dikhususkan kepada **rakyat Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 seperti kehilangan pendapatan, kekurangan pendapatan serta kehilangan pekerjaan sehingga tidak lagi mampu membayar sewa yang tinggi, dihalau keluar dari rumah sewa dan seumpamanya.**

**IKRAM** turut bermaksud "memuliakan" dalam bahasa arab dan ia menjadi hasrat KPKT untuk memberi kemuliaan kepada Keluarga Malaysia yang memerlukan.

KPKT akan menyediakan 1,000 unit kediaman di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) **sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Kelantan dan Johor sebagai langkah permulaan** dengan kadar sewa paling minimum iaitu RM124 sebulan.

YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican turut menjelaskan bahawa inisiatif ini merupakan sebahagian daripada **usaha bersasar KPKT bagi membantu kumpulan rakyat yang terkesan akibat COVID-19.**

Malah, pasukan KPKT juga sedang merangka beberapa lagi **inisiatif bersifat responsif serta penampungan untuk mengurangkan keresahan rakyat.**

RUMAH IKRAM KPKT ini juga merupakan sebahagian daripada **AGENDA "LIVEABLE MALAYSIA ATAU MALAYSIA BERDAYA HUNI"** yang digagaskan oleh YB Menteri melalui fungsi serta peranan proaktif KPKT.

Usaha ini juga selari dengan matlamat YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dalam **memperkasa gagasan Keluarga Malaysia yang bukan sahaja prihatin malah responsif kepada keperluan rakyat.**

Permohonan untuk mendapatkan kemudahan RUMAH IKRAM KPKT ini telah pun dibuka di portal TEDUH KPKT melalui capaian <https://teduh.kpkt.gov.my>.

Syarat-syarat permohonan bagi **Inisiatif Kediaman Keluarga Malaysia** seperti berikut:

- (i) **Pemohon dan pasangan warganegara Malaysia;**
- (ii) **Pemohon berumur 18 tahun dan ke atas;**
- (iii) **Tidak memiliki rumah, tempoh sewaan ditamatkan oleh tuan rumah atau seumpamanya; dan**
- (iv) **Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan.**

Sebarang pertanyaan mengenai program ini boleh diajukan ke talian hotline Jabatan Perumahan Negara (JPN), KPKT : 03-8891 4475.

#KeluargaMalaysia.

#BekerjaBersamaRakyat.

**- TAMAT -**

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)